

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 OCTOBER 2016

Bajet 2017 sedia inisiatif ringankan beban rakyat

BH- 22/10/2016

➔ BR1M dinaikkan RM1,200, beri peruntukan subsidi hampir RM10b

► Kuala Lumpur

Berikutan kenaikan kos sara hidup, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentangkan Bajet 2017 yang mengetengahkan pelbagai langkah dan inisiatif dengan sasaran meringankan beban rakyat.

Antara yang dinaikkan adalah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang berpendapatan bulanan bawah RM3,000 daripada RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200.

BR1M isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 pula dinaikkan RM100 kepada RM900 dan individu bujang berpendapatan bawah RM2,000, daripada RM400 kepada RM450.

Ketika membentangkan bajet bertemakan 'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahterakan Kehidupan Rakyat' di Parlimen semalam, beliau

berkata, sejak BR1M diperkenalkan, setiap tahun tanpa gagal, program ini mendapat sambutan dan maklum balas sangat positif daripada penerima.

Bajet memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM260.8 bilion, meningkat 3.4 peratus berbanding Bajet 2016 yang diubah suai. Daripada jumlah itu, RM214.8 bilion untuk perbelanjaan operasi, manakala baki RM46 bilion untuk pembangunan.

Ringan kos sara hidup rakyat

Bajet kelapan yang dibentangkan Najib itu disediakan ketika kedudukan ekonomi mencabar akibat kejatuhan harga minyak mentah, kelembapan ekonomi dunia dan penyusutan nilai ringgit, selain pelbagai isu yang dibangkitkan pembangkang dan rakyat.

Bagi meringankan kos sara hidup rakyat secara lebih meluas, kerajaan menyediakan peruntukan subsidi hampir RM10 bilion,



Najib bersama timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menunjukkan buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 selepas membentangkan Bajet 2017 di Parlimen, semalam.

Fakta nombor

RM260.8
BILION

peruntukan perbelanjaan
Bajet 2017

RM1.3
BILION

subsidi harga, benih
dan baja padi

merangkumi subsidi bahan api, termasuk gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam.

Menyedari kesukaran hidup golongan petani dan nelayan, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi, termasuk padi bukit kepada golongan pesawah.

Pinjaman perumahan

Berikutan isu peningkatan harga rumah sehingga menyebabkan kesukaran rakyat memiliki rumah, kerajaan bersetuju menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada minimum RM120,000 kepada RM200,000, manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya RM600,000 dinaikkan kepada RM750,000.

Perdana Menteri turut mengumumkan skim pembayaran akhir khas jenis *step-up* untuk program PR1MA, yang membolehkan akses

pembiayaan lebih mudah kepada pembeli, dengan jumlah pinjaman mencecah 90 peratus hingga 100 peratus, menyebabkan kadar penolakan pinjaman akan berkurangan secara drastik.

Bagi membela nasib pemandu teksi, kerajaan mengumumkan geran RM5,000 untuk membeli kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi dengan peruntukan RM60 juta.

Untuk membantu kumpulan B40, khususnya penerima BR1M menjana pendapatan tambahan, Perdana Menteri berkata, kerajaan menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu UBER, terutama bagi pemilik kenderaan sendiri.

Bagi yang tidak memiliki kenderaan, bayaran pendahuluan boleh dibuat menggunakan BR1M dan rebat sebanyak RM4,000 diberikan bagi pembelian kereta Proton Iriz.